



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu  
Jalan Bukit Kecil  
20604 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman

Tel. : 09-621 3000/3001  
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415  
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.27( 8)  
Tarikh : 12 Mei 2026

Semua PPD Negeri Terengganu.

Tuan,

**HEBAHAN PROGRAM GELORAKAN ANTI BULI PERINGKAT NEGERI TERENGGANU 2026**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu akan menganjurkan **Program Gelorakan Anti Buli Peringkat Negeri Terengganu 2026**. Program ini bertujuan mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat, harmoni dan bebas daripada budaya buli dalam kalangan murid.

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan agar dapat memberi ceramah berdasarkan teks ucapan yang disediakan kepada warga sekolah pada waktu perhimpunan rasmi sekolah. Bersama-sama ini dipanjangkan teks ucapan dari sub unit sahsiah, Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya.

4. Untuk makluman tuan, Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas bolehlah menghubungi Encik Muhammad Nur Hakim bin Abd Rahman di talian 010-9835144.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

( MOHD ZULKAFLI BIN JUSOH )  
Timbalan Pengarah Pendidikan  
Sektor Pembangunan Murid  
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k  
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu  
Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan.  
- Makluman tuan.

# PROGRAM GELORAKAN ANTI BULI

**BULI ITU  
SALAH  
SPEAK UP,  
STAND UP!**



## BENTUK-BENTUK BULI

**BERSAMA HENTIKAN BULI,  
CIPTA SEKOLAH SELAMAT, HORMAT DAN PENYAYANG**



**BULI FIZIKAL**  
Menampar, menendang, menolak, memukul



**BULI VERBAL**  
Menghina, mengejek, mengancam, memaki



**BULI SIBER**  
Menghantar mesej kesat, menyebar fitnah, mengaibkan di media sosial



**BULI SOSIAL**  
Mengasingkan, mengabaikan, menyebarkan khabar angin

## APA YANG KITA BOLEH LAKUKAN?



**HORMATI SEMUA ORANG**  
Layan semua dengan baik dan adil



**JADILAH KAWAN YANG BAIK**  
Sokong rakan dan bantu mereka yang memerlukan



**DENGAR & AMBIL BERAT**  
Dengarkan rakan dan jangan menghakimi



**BERANI BERSUARA**  
Laporkan kepada guru atau pihak yang boleh membantu



**SEBARKAN KEBAIKAN**  
Senyum, ucapkan perkataan baik dan berikan sokongan

## LAPORKAN! JANGAN DIAM, DAPATKAN BANTUAN

- Guru Kelas / Guru Bimbingan
- Talian Kasih KPWK 15999
- Bilik Kaunseling Sekolah

**LAPOR HARI INI,  
SELAMATKAN ESOK**



**KITA BOLEH UBAH! BERSAMA KITA CIPTA PERSEKITARAN BEBAS BULI, SELAMAT DAN MEMBINA GENERASI HEBAT!**





## TAJUK: Cegah Buli dan Gangguan Seksual, Kita Jaga Maruah Bersama

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

[Salutasi]

Pada pagi ini, saya ingin menyampaikan satu amanat yang sangat penting kepada semua anak-anak pelajar, iaitu berkaitan pencegahan gejala buli dan gangguan seksual di sekolah. Perkara ini bukan sahaja melibatkan disiplin, tetapi juga melibatkan nilai kemanusiaan, maruah diri dan masa depan anak-anak pelajar semua. Sekolah sepatutnya menjadi tempat yang selamat, tempat kita belajar dengan tenang, berkawan dengan baik, dan membina jati diri yang positif.

Anak-anak pelajar sekalian, buli bukan sekadar perbuatan memukul, menolak atau mencederakan. Buli juga boleh berlaku melalui kata-kata seperti menghina, mengejek, memperlekehkan, atau memanggil dengan gelaran yang tidak baik. Malah, ada juga yang meminggirkan rakan, tidak mahu berkawan, atau sengaja memalukan orang lain di hadapan orang ramai. Pada masa kini, buli juga berlaku melalui media sosial, seperti menghantar mesej yang menyakitkan hati, menyebarkan gambar tanpa kebenaran, atau menulis komen yang menjatuhkan maruah seseorang. Walaupun pelaku mungkin menganggapnya sebagai gurauan, hakikatnya ia boleh meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada mangsa, termasuk tekanan emosi, hilang keyakinan diri, dan rasa takut untuk datang ke sekolah.

Selain itu, saya juga ingin menegaskan bahawa gangguan seksual adalah satu kesalahan yang sangat serius dan tidak boleh dipandang ringan. Gangguan seksual boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti sentuhan yang tidak wajar, gurauan berunsur lucah, kata-kata yang tidak sopan, atau penyebaran bahan yang tidak sesuai. Anak-anak pelajar perlu faham bahawa setiap individu mempunyai hak ke atas tubuh badan dan maruah diri masing-masing. Tidak ada sesiapa yang berhak menyentuh, mempermainkan atau menjadikan orang lain sebagai bahan gurauan yang tidak bermoral. Perbuatan seperti ini bukan sahaja melanggar peraturan sekolah, malah boleh melibatkan tindakan undang-undang.



Dalam kehidupan seharian, nilai adab sangat penting untuk diamalkan. Adab bermaksud kita tahu menjaga tingkah laku, menghormati orang lain dan memahami batas pergaulan. Dalam Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026–2035, salah satu ciri utama murid ialah menjadi murid yang beradab. Ini bermaksud anak-anak pelajar bukan sahaja perlu cemerlang dalam pelajaran, tetapi juga mempunyai akhlak yang tinggi. Apabila kita mengamalkan adab dalam kehidupan, kita akan lebih berhati-hati dalam percakapan dan perbuatan. Kita tidak akan mudah menyakiti hati orang lain, tidak akan menghina, dan tidak akan melakukan perkara yang boleh menjatuhkan maruah rakan. Secara tidak langsung, ini akan membantu mewujudkan suasana sekolah yang selamat, harmoni dan selesa untuk semua, selaras dengan fokus pendidikan negara yang menekankan kualiti dan keadilan kepada setiap murid.

Selain itu, nilai ihsan juga sangat penting dalam diri setiap anak pelajar. Ihsan bermaksud kita sentiasa berbuat baik, mengambil berat dan mempunyai rasa empati terhadap orang lain. Anak-anak pelajar bukan sahaja perlu menjauhi perbuatan salah, tetapi juga perlu berani membantu orang lain. Jika anak-anak pelajar melihat rakan dibuli, jangan hanya menjadi pemerhati yang diam. Jangan ketawa, jangan rakam, dan jangan sebarkan. Sebaliknya, bantulah rakan tersebut atau laporkan kepada guru. Dalam RPM 2026–2035, murid juga perlu menjadi individu yang berdaya tahan dan berkeyakinan, iaitu berani menghadapi cabaran dan berani melakukan perkara yang betul walaupun dalam keadaan sukar. Inilah sikap yang perlu kita bina agar kita bukan sahaja menjaga diri sendiri, tetapi juga melindungi orang lain.

Anak-anak pelajar sekalian, dalam RPM 2026–2035 terdapat lima ciri murid yang ingin dibentuk iaitu beradab, berilmu, berkemahiran, berdaya tahan dan berkeyakinan. Kelima-lima ciri ini penting untuk melahirkan Insan Sejahtera, iaitu individu yang seimbang dari segi ilmu, akhlak dan emosi. Namun, semua ini tidak akan dapat dicapai jika kita masih membiarkan budaya buli dan gangguan seksual berlaku dalam kalangan kita. Oleh itu, setiap anak pelajar perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan sekolah kita bebas daripada gejala ini.



Dalam konteks Malaysia MADANI, nilai adab dan ihsan perlu menjadi pegangan utama dalam kehidupan seharian kita. Adab mengajar kita untuk menghormati orang lain dan menjaga batas pergaulan, manakala ihsan menuntut kita supaya sentiasa berbuat baik dan berperikemanusiaan. Jika nilai-nilai ini diamalkan, maka sudah pasti gejala buli dan gangguan seksual dapat dielakkan, seterusnya mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan harmoni.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin berpesan kepada semua anak-anak pelajar. Pertama, jangan sekali-kali menjadi pembuli. Kedua, jangan menjadi pemerhati yang hanya melihat tanpa berbuat apa-apa. Ketiga, jadilah insan yang berani membantu dan melindungi rakan. Jika berlaku sesuatu yang tidak baik, beranilah untuk melaporkan kepada guru. Jangan simpan seorang diri kerana masalah yang dipendam akan menjadi lebih besar.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama membina persekitaran sekolah yang selamat, harmoni dan penuh dengan nilai hormat-menghormati. Saya percaya, jika semua anak pelajar mengamalkan nilai adab dan ihsan, maka kita mampu melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam pelajaran, tetapi juga tinggi akhlakunya dan kuat jati dirinya.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.